

Headline	KETTHA peruntuk sebahagian RM2.6b untuk tambah baik elektrik Sabah		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	19 Feb 2017	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	3	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	102 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 202
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 606



## KETTHA peruntuk sebahagian RM2.6b untuk tambah baik elektrik Sabah

LABUAN: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) akan menggunakan sebahagian daripada RM2.6 bilion yang diperuntukkan kepadanya di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 untuk mengurangkan gangguan bekalan elektrik di Sabah.

Menterinya Datuk Seri Maximus Johnity Ongkili berkata kementeriannya menyasarkan Durasi Gangguan Rata-Rata Sistem (SAIDI) 250 minit

setahun bagi setiap pelanggan di Sabah berbanding 311 minit tahun lepas.

"Semasa saya baru menjadi menteri, SAIDI hampir 700 minit sebelum dikurangkan beransur-ansur kepada 311 minit tahun lepas," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program kemasyarakatan dan kempen inovasi hijau di Kampung Kilan, di sini kelmarin.

SAIDI merupakan indeks yang

mengukur tempoh gangguan yang terjadi dalam selang waktu tertentu pada pelanggan.

Mengulas lanjut, Ongkili berkata peruntukan itu yang disalur terus oleh kerajaan persekutuan akan diguna untuk pelbagai kerja-kerja teknikal serta pemasangan peralatan bagi meningkatkan kecekapan penjanaan tenaga.

Katanya sesetengah kerja telah bermula tahun lepas termasuk mem-

bina lebih banyak transformer dan substesen.

"Kami juga menyediakan sedikit peruntukan untuk gotong-royong bagi memangkas dahan-dahan pokok yang bersentuhan dengan kabel elektrik yang boleh mendatangkan bahaya.

"Untuk ini kita perlu bekerjasama dengan penduduk. Takkan nak tunggu gangguan bekalan terjadi baru nak tebang pokok," katanya. - Bernama